

Dari Sebulan ke Sebulan

Masalah yang besar sekali dihadapi oleh kerajaan Singapura sekarang ialah masalah pengangguran. Dari sehari ke sehari makin banyak orang-orang yang tidak ada pekerjaan. Mereka itu terdiri daripada orang-orang yang kena berhenti kerja dan juga daripada lepasan-lepasan sekolah yang tiap-tiap tahun berpuluhan-puluhan ribu banyaknya. Apabila angkatan udara berhajat kepada 30 orang pemuda maka yang datang melamar lebih daripada 1000 orang. Ini satu bukti yang besar bahawa lapangan kerja bagi penduduk-penduduk Singapura berkurangan. Apakah halnya untuk sepuluh tahun yang akan datang?

* * *

Dahulu Singapura menjadi tempat yang makmur di seluruh Tenggara Asia. Perusahaan-perusahaan banyak dibuat dan modal-modal banyak datang. Tetapi setelah buruh mengambil langkah hendakkan perbaikan taraf hidup maka perusahaan-perusahaan makin berkurangan – dan hubungan di antara buruh dengan majikan semakin renggang. Hal ini bertambah-tambah lagi masa sekarang pemodal-pemodal takut mau membuka perusahaan – kerana ia akhirnya tidak dapat berkuasa ke atas perusahaannya apabila buruhnya selalu mendesak perbaikkan hidupnya sedang pemodal sulit hendak mendapat untung. Benar apa yang dikatakan oleh Tuan Gamba bahawa persatuan-persatuan buruh janganlah hanya memandang kepada perbaikan taraf hidup buruh sahaja tetapi pandang juga tanggungjawab terhadap kepada masyarakat – masyarakat sekarang telah banyak yang tidak mempunyai pekerjaan.

* * *

Dua perkara yang tersebut di atas ini – ialah membawa soal yang berkaitan di antara satu dengan yang lain. Apabila banyak orang yang tidak ada pekerjaan – ertinya banyak pula orang yang gelap mata – tidak dapat jalan lagi mencari

dengan jalan halal. Mereka mau bekerja tetapi pekerjaan tidak ada. Kerana itu apa jua yang boleh dibuat mengisi perut mereka dikerjakannya walaupun merompak sebab mereka tidak tahan hidup menderita. Bukannya itu sahaja tetapi banyak orang yang jadi setengah gila terutamanya yang mempunyai banyak tanggungan – balik ke rumah anak pinak menangis, makanan tak cukup. Kerana kepala telah pening – mata gelap, terdesak oleh hidup dan tidak sabar – akhirnya apa jua yang boleh dilakukan – dibuatnya. Benar kata Rasulullah (*sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*) bahawa ‘kepapaan itu membawa kepada kekafiran’ – sedangkan kepada Tuhan ia tidak percaya apalagi kepada manusia.

* * *

Tuan Lee Kuan Yew, tatkala melawat Politeknik menyatakan bahawa pelajaran pertukangan ini sangat-sangat mustahak untuk sebuah negara seperti Singapura yang menjadi pelabuhan bebas dan tempat-tempat perusahaan. Tidak ada seorang pun dapat manafikan mustahaknya latihan pertukangan untuk perkembangan di Singapura bagi masa yang akan datang. Tetapi sebahagian orang pula memandang jika tukangnya ada sedang kerja-kerja yang hendak dijalankan tidak ada, ertinya tukang ada tempat-tempat bekerja tidak ada – tidak pula ada ertinya. Kerana itu kerajaan sekarang jangan seperti kerajaan yang dahulu, hanya memikirkan perbaikan taraf hidup buruh-buruh di tiap-tiap perusahaan tetapi melupakan pula maslahat-maslahat tempat buruh itu bekerja – terutamanya perusahaan-perusahaan kecil. Kerana itu untuk keselamatan Singapura kalau dibuat berat sebelah – tidak akan dapat diselamatkan kedudukan pengangguran. Kerajaan mustahak mengkaji semula kedudukan-kedudukan pekerjaan dan tempat-tempat kerja. Telah tiba mustahaknya ditubuhkan satu suruhanjaya mengkaji

kedudukan buruh dan majikan-majikan – untuk mencari jalan supaya hubungan kedua-dua pihak baik dan bagus – dan menggalakkan majikan-majikan supaya membanyakkan kakitangannya – tidak seperti sekarang – seberapa boleh mereka mengurangkan orang-orangnya. Mustahak benar diperhatikan bahawa perusahaan-perusahaan kecil itu lebih banyak menggunakan pegawai daripada perusahaan-perusahaan besar.

* * *

Untuk mengkaji kemajuan perindustrian di Singapura lebih maju daripada sekarang mustahak benar kerajaan mengkaji tangga waktu kerja yang dijalankan di Singapura sekarang. Sungguhpun sekarang orang-orang yang bekerja di perusahaan-perusahaan besar kehidupannya baik – dan diakui yang terbaik di seluruh Asia, namun kedudukan sebahagian orang itu dipertahankan kalau merosakkan yang lebih banyak lagi yang berhajat kepada kerja – tidaklah bermakna yang demikian itu dipertahankan. Kerana itu kerajaan wajib pula melihat tangga-tangga masa kerja di lain-lain negeri – di Hong Kong umpamanya 60 jam seminggu, di Jepun 55 jam sedang di Singapura 44 jam sahaja. Bagaimanakah kemajuan industri akan dapat menyerupai Hong Kong dan Jepun dengan perbezaan masa bekerja itu sedemikian rupa? Tenaga pekerja pula jauh bezanya di antara orang-orang Hong Kong dan Jepun jika dibanding dengan pekerja-pekerja di Singapura. Perkara ini patut diperhati oleh kerajaan.

* * *

Dalam sebuah akhbar harian sebuah gambar askar-askar Melayu Persekutuan kelihatan sedang menadah tangan untuk berdoa. Di bawah gambar itu disebutkan bahawa mereka berdoa untuk keselamatan Jeneral Dato' Brook yang akan berangkat balik ke tanah airnya. Beberapa orang telah datang kepada kita bertanya bagaimana hukumnya membacakan doa untuk orang-orang yang bukan Islam dengan doa yang bersifat dengan doa agama. Buat sementara kita tidak dapat menjawabnya. Kita harap *Sāhib al-Faḍīlah al-Sayyid Yusuf Zawawi Mufti Terengganu*, mufti

yang progresif dapat menjawabkannya.

* * *

Orang-orang UMNO Singapura sedikit masa dahulu memohon kepada kerajaan Singapura supaya empat orang Islam yang masih menjalankan hukuman atas kejadian rusuhan perkara Natrah tempoh hari supaya diampunkan. Kerajaan khabarnya menolak permohonan itu dengan alasan perkara hukuman mereka ialah perkara mengenai hukuman jenayah. Tetapi tidak lama kemudian banyak pula hukuman-hukuman yang boleh disebut *criminal* telah dilepaskan termasuk di dalamnya *gangster-gangster*. Dengan kerana itu orang-orang Islam berasa bersyukur benar kiranya kerajaan Singapura yang ada sekarang membebaskan mereka yang ditahan kerana rusuhan Natrah tempoh hari. Ini kan kelak menjadi satu jasa yang tidak dapat dilupakan – kata setengah-setengah mereka.

* * *

Ustaz Taha Suhaimi Hakim Mahkamah Shar'iyyah menyatakan bahawa kurangnya perceraian sekarang adalah kerana adanya siaran-siaran tentang bicara-bicara di mahkamah itu. Pendapat ini, oleh sebahagian orang ditolak. Kesalahan banyaknya perceraian, seperti apa yang telah berlaku bukannya sebab kerana berita-berita di mahkamah itu tetapi harus disebabkan keadaan kadi-kadi tidak diatur. Datang sahaja mengadu kepada kadi terus diberi surat cerai terutamanya kalau ada “apa-apanya”. Ini berlaku masa yang lalu. Sepatutnya tuan-tuan kadi masa dahulu kalau seseorang datang hendak minta cerai mencari jalan mendamaikannya, tetapi masa itu kalau berdamai harus melepas. Hal inilah berbahaya dan inilah salah satu sebab yang utama selain daripada sebab-sebab yang lain yang kurang faham tentang keadaan bermasyarakat di rumahtangga.

* * *

Dahulu, Parti Negara dengan PAS membuat kerjasama dalam pilihanraya di Terengganu. Dengan kerjasama itu Dato' Onn pun dapat dipilih semula. Kemudian, setelah pilihanraya habis orang-orang PAS banyak yang mengundang Dato' Onn memberi ceramah – akhirnya nampaknya pengaruh


Dato' Onn mendalam di dalam PAS. Kerana itu pemimpin-pemimpin PAS khuatir kalau-kalau langkah Dato' Onn berbahaya kepadanya. Orang lain dipanggil sedang pemimpin-pemimpin PAS sendiri tidak dijemput oleh orang-orang PAS. Ini satu hal yang mustahak diperhatikan oleh PAS supaya bekerja – jangan diam-diam dan berusaha mensesuaikan keadaan dan masa di sesuatu tempat.

* * *

Tuan Taha Suhaimi, Hakim Mahkamah Shar'iyyah, tatkala menyokong supaya wang hasil loteri itu digunakan kerana masjid di antara lain-lain berkata bahawa mengambil maslahat ini lebih baik daripada menjauhkan kejahanatan. Maksud Tuan

Taha nampaknya kerana maslahatnya banyak dengan wang itu tidak mengapa ada mudaratnya sedikit. Orang-orang Islam tersenyum mendengar apa yang dikatakan oleh “Tuan Hakim Mahkamah Shar'iyyah” itu nampaknya ia telah memesangkan kaedah *fiqhiiyah* yang berbunyi “menjauhkan mudarat lebih baik daripada mengambil manfaat.”

Kaedah *fiqhiiyah* ini terang di dalam perkara-perkara yang tidak terang hukumnya maka menjauhkan mudarat lebih utama daripada mengambil manfaat – sedang nampaknya Tuan Taha menghendaki sebaliknya. Tidak mengapa mudaratnya asakan ada manfaatnya – *Mā shā'a Allāh!* Untuk masjid Bung, kata setengah-setengah mereka, kalau tidak didirikan di atas aras takwa lebih baik jangan dirikan apalagi kalau di dalamnya termasuk wang-wang syubhab yang terang-terang daripada usaha yang tertentu yang haram asalnya.



Suatu pemandangan di dalam Parlimen yang telah selamat dibuka tidak berapa lama dahulu di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Dalam gambar kelihatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, sedang mempersembahkan surat ucapan diraja, kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong. Di sebelah kanan ialah Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.